

Konsep Kendiri

Azizi Yahaya

Konsep kendiri adalah dinamik. Untuk memahami keadaan aktif konsep kendiri adalah serupa dengan jarum kompas yang selalunya menunjuk ke arah 'utara' iaitu tentang tanggapan seseorang. Ini memungkinkan seseorang itu terarah.

Dunia ditanggap mengikut konsep kendiri seseorang.

Perkembangan konsep kendiri adalah berterusan

Individu berkelakuan sejajar dengan konsep kendirinya.

Konsep kendiri sentiasa memelihara dirinya daripada kehilangan estimasi sendiri. Kehilangan ini akan menjadikan dirinya takut.

Menurut pendekatan 'Perceptual Psychology' kita atau kendiri ialah tanggapan kita terhadap diri kita dan dunianya adalah sama dengan apa orang lain kata tentang diri kita dan ini berlainan daripada teori yang terdahulu iaitu teori psikoanalisis (yang mengutamakan motivasi di bawah sedar) dan teori tingkahlaku yang mementingkan tingkahlaku sebenar sebagai agen yang aktif menentukan kelakuan. Tanggapan terhadap diri sendiri ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap penentuan kejayaan dan kegagalan dirinya pada masa akan datang (Purkey, 1970).

Kendiri pada umumnya bermaksud refleksi sedar tentang identity sendiri, sebagai satu objek terpisah daripada yang lain dan daripada persekitarannya. Terdapat pelbagai cara untuk memikirkan tentang kendiri. Dua daripada yang biasa digunakan adalah konsep kendiri dan estimasi sendiri. Konsep kendiri ialah aspek kognitif atau pemikiran diri (berkaitan imej kendiri seseorang). Dan biasanya merujuk kepada keseluruhan kompleks, tersusun, dan sistem yang dinamik tentang kepercayaan yang dipelajari, sikap dan pemikiran yang setiap orang pegang dan anggap benar tentang kewujudan dirinya. (<http://chiron.valdosta.edu/whuitt/col/regsys/self.html>)